

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
YBHG TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF  
PENGERUSI  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

**SEMPENA**

**'MAJLIS AMANAT TAHUN 2020 YBHG. TAN SRI PENGERUSI DAN  
AHLI SURUHANJAYA BERSAMA WARGA SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN PELAJARAN (SPP)'**

**PADA  
23 JANUARI 2020 (KHAMIS)**

**BERTEMPAT DI  
DEWAN SERBAGUNA ARAS 3  
BLOK B1  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI**

Assalamualaikum WBT.

Saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib**

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,

**Yang Berusaha Tuan Hj. Suhaimi bin Jusoh,**

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,

Yang Berbahagia

Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Tuan-tuan dan puan-puan, warga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sekalian.

#### **A: UCAPAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala (SWT), kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita berkumpul di sini pada pagi yang berbahagia ini. Belum terlambat rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2020. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) selaku urus setia atas penganjuran majlis pada hari ini.
  
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada lapan (8) orang Ahli Suruhanjaya

yang baharu, yang telah mengangkat sumpah jawatan pada 4 Disember 2019 yang lalu. Pelantikan ini adalah untuk menggantikan Arwah YBhg. Dato' Misrah bin Hj. Ibrahim dan "The Magnificent 7". Mereka telah memberi sumbangan yang cukup bermakna dalam pembangunan modal insan perkhidmatan awam dan khususnya kepada penetapan dasar-dasar di SPP. Saya amat yakin pengganti mereka ini akan turut menjalankan tugas dengan cemerlang; membawa imej SPP yang dinamik, efektif dan berintegriti seterusnya menjulang SPP dalam persada pendidikan negara.

#### **(Memperkenalkan Ahli Suruhanjaya yang baharu)**

- i. Ybrs. Dr. Azian Binti Tengku Syed Abdullah
  - ii. Ybhg. Datuk Givananadam a/l Kalinan
  - iii. Ybrs. Puan Hamsiah Binti Abdullah Sani
  - iv. Ybrs. Dr. Jamil bin Adimin
  - v. Ybhg. Dato' Sabariah Binti Hassan
  - vi. Ybrs. En. Shabudin bin Man
  - vii. Ybhg. Dato' Wee Beng Ee
  - viii. Ybrs. Dr. Zainal Aalam bin Hassan
3. Tahniah dan selamat datang ke SPP. Kita di sini memegang amanah rakyat Malaysia dalam memastikan guru-guru serta pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan yang **dilantik** adalah insan yang layak, berkaliber dan berakhhlak baik yang bertanggungjawab atas anak-anak kita di sekolah, Kolej Komuniti dan Politeknik. Maka enam (6) peranan utama kita seperti yang termaktub di dalam Perkara 144(1)

Perlembagaan Persekutuan harus kita laksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab, tulus dan telus.

4. Saya juga difahamkan bahawa pada hari ini saya akan menyampaikan Sijil kepada 19 orang penerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019**. Majlis yang sama diperingkat Jabatan Perdana Menteri akan diadakan pada bulan Mac 2020. Seramai 225 orang pegawai SPP telah mendapat markah 90% ke atas dan akan turut menerima Sijil Penghargaan. Saya juga akan menyampaikan Anugerah Pekerja Contoh Bulanan Bagi **Tempoh Julai – Disember 2019**. Semoga dengan pengiktirafan ini akan menyuntik semangat dan mencetus motivasi kepada semua warga SPP untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.

## B: PENCAPAIAN TAHUN 2019

Hadirin sekalian,

5. Dalam tempoh perkhidmatan saya bersama SPP yang sudah menjangkau setahun, saya berasa amat gembira dan selesa dengan kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh anda semua. Menyorot kembali pencapaian kita pada Tahun 2019, SPP diperuntukkan sebanyak **RM21,669,700.00** dengan pencapaian perbelanjaan keseluruhan sebanyak **RM21,015,924.27%** iaitu **96.98%**. Bagi **perbelanjaan tanpa emolumen**, SPP telah berjaya menggunakan sepenuhnya peruntukan yang telah diberikan dengan pencapaian sebanyak **99.99% bagi peruntukan tanggungan (T10) dengan baki RM181.64**; sebanyak **99.90% bagi peruntukan Bekalan (B40) dengan**

**baki sebanyak RM3281.18 dan secara keseluruhannya sebanyak 99.93% dengan baki sebanyak RM3462.82.** Tahniah dan syabas kepada pihak pengurusan di bawah pimpinan Tuan Hj. Suhaimi bin Jusoh yang telah berjaya mengawal urusan perbelanjaan Jabatan. Saya masih ingat, SPP telah mengambil beberapa langkah penjimatan dalam memastikan semua urusan utama SPP khususnya temu duga yang dijalankan secara *back –to – back* sehingga penghujung November 2019 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

6. SPP juga telah berjaya merangkul 3 Anugerah pada tahun 2019. Pada 15 November 2018, SPP telah menerima Sijil Sistem Pengurusan Keselamatan (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013. Selaras dengan keperluan pensijilan, Audit Pematuhan Tahun Pertama oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah diadakan pada 7 hingga 8 November 2019 dan **SPP telah berjaya disyorkan untuk diteruskan pensijilan** pada 11 November 2019. Selain itu SPP juga telah mencapai **100% KPI HRMIS** dan Urus Setia SPP Sabah telah menerima **Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)** dengan kategori **Cemerlang** pada 1 Mei 2019.

7. Sejak penguatkuasaan penggunaan Sistem e-PROPER pada Tahun 2016 melalui Pekeliling SPP Bilangan 1 Tahun 2016, Bahagian Perkhidmatan bersama-sama Bahagian Pengambilan Guru dan Bukan Guru telah giat melaksanakan sesi naziran di seluruh negara. Berdasarkan pelaporan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya dan susulan pemerhatian ASJ, Surat edaran Peringatan Pematuhan Pelaksanaan Peraturan Pengendalian Laporan Pemeriksaan Kesihatan telah dikeluarkan pada 14 Januari 2019. Ini berikutan kegagalan Pusat

Tanggungjawab (PTJ) dalam melaksanakan Pekeliling tersebut menyebabkan urusan perkhidmatan pegawai terjejas.

8. Bagi Tahun 2019, SPP telah menerima sebanyak **34,452 permohonan** melalui Portal JobsMalaysia bagi mengisi kekosongan perjawatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **27,155 calon telah dipanggil untuk di temu duga**. SPP telah **melantik seramai 7,251 calon** dimana 5,719 adalah bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, 434 orang Pegawai Perkhidmatan Pengajian Tinggi dan 1,098 orang Anggota Kumpulan Pelaksana.

9. Seperti yang dijadualkan, Mesyuarat Suruhanjaya telah berjaya bersidang sebanyak 24 kali. Melalui Mesyuarat ini, sebanyak **239 kes tataterib** dan sebanyak **18,316 urusan yang melibatkan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen** telah diuruskan. Saya pasti, pihak urus setia telah bertungkus lumus untuk menyediakan kertas-kertas bagi Mesyuarat Suruhanjaya, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tataterib Perkhidmatan Pendidikan dan Mesyuarat Lembaga Rayuan kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan bagi memastikan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan adalah teratur dan tertib.

10. Selain itu, sebanyak tiga (3) program Bersepadu SPP telah dilaksanakan iaitu di Kedah termasuk lawatan kerja Penandaarasan di Songkhla, Thailand pada 25-28 Februari 2019, selain di Miri (22-24 April 2019) dan Tawau (11-13 Oktober 2019). SPP juga telah menyertai Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh JobsMalaysia dan SPA. Melalui program jangkauan (*outreach*) seperti ini dapat mendekatkan lagi SPP

dengan pelanggan kita; interaksi secara langsung yang dapat menyelesaikan banyak isu-isu yang timbul di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pengajian Tinggi, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia tidak lupa dengan orang awam. Kesungguhan dan komitmen semua dalam menjayakan program-program yang dijalankan diharap dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

## C: HALA TUJU TAHUN 2020

Hadirin sekalian,

11. Tahun 2020 adalah merupakan permulaan dekad baru. YAB Perdana Menteri telah menetapkan pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB30). Kerajaan telah beriltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan, pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan. WKB30 akan membentuk suatu ekosistem ekonomi yang bernilai tinggi secara holistik, untuk dikongsi bersama segenap lapisan masyarakat. Sebentar lagi kita akan mendapatkan penjelasan lanjut mengenai WKB30 ini yang boleh dijadikan panduan kita selaku pemain dalam mencapai visi negara.

12. Dalam hal ini, saya ingin membawa perhatian Ybhg. Tan Sri/Datuk/Dr./ Tuan/ Puan mengenai hala tuju yang ingin saya bawa di SPP. Saya memegang kepada harapan SPP yang **sejahtera, tulus dan telus**. Untuk mencapai SPP yang sejahtera, semua warga SPP perlu mempunyai hubungan yang baik, selain semangat kerjasama dalam

kumpulan. Kita tidak lagi boleh bekerja ‘in-silo’, sebaliknya perbincangan yang berterusan dibuat agar sesuatu isu atau perkara dapat diteliti dengan baik atas pemuaafakatan bersama. Kata bidalan lama, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Saya difahamkan, melalui Mesyuarat Pelan Latihan SPP yang telah diadakan pada 16 Januari 2020, untuk Tahun 2020 sebanyak 3 siri *Team Building* akan diadakan bagi mengukuhkan lagi semangat *esprit de corps* warga SPP. Selain itu, kita juga seharusnya menjaga hubungan baik sesama insan. Menjadi tegas dalam membuat keputusan tidak bermakna kita boleh bersikap dingin, bercakap kasar atau menjadi sarkastik khususnya apabila kita berhadapan dengan situasi berkaitan urusan tatatertib.

Hadirin Sekalian,

13. Mempunyai sikap yang **tulus** merujuk kepada hati yang suci dan bersih. Saya berharap dalam menjalankan tugas di pejabat, malah dalam urusan sehari-hari, seharusnya kita **bersikap jujur dan tidak berbohong**. Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita merupakan amanah yang akan dihisab kelak. Keperibadian diri yang kita tampilkan amat penting kerana kita merupakan duta kepada SPP. Tidak kira apa juar jawatan kita, sikap ini merupakan cerminan siapakah diri kita, kepada Tuhan, masyarakat, keluarga dan diri sendiri.

14. Dalam Sustainable Development Program (SDG) Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 5-6 November 2019 yang lalu, antara isu yang dibangkitkan adalah kesukaran bagi mendapatkan maklumat khususnya daripada agensi kerajaan. Menjadi transparent (**TELUS**) di SPP bermaksud kesediaan Jabatan dalam menyediakan maklumat/ data yang diperlukan oleh

pelanggan dan pemegang taruh selagi ia tidak melanggar Akta Rahsia Rasmi.

## D: PERANCANGAN TAHUN 2020

YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dr./Tuan/Puan,

15. Dalam usaha menyahut seruan kerajaan untuk memperkasakan *internet of things* (IOT), SPP memulakan langkah Tahun 2020 dengan penggunaan kit ASJ dan Sistem e-KEPS; Sistem Kertas Pertimbangan Suruhanjaya yang telah diperkenalkan pada 20 Januari 2020. Sebelum ini, pengedaran Kertas Pertimbangan Suruhanjaya adalah menggunakan emel rasmi MyGOVUC di mana setiap kertas dan lampiran diemel satu persatu. Ia mengakibatkan storan emel ASJ/ pengguna cepat penuh dan sukar untuk meneliti setiap kertas tersebut. BPM dengan kepakaran dalaman telah membangunkan sistem e-KEPS yang mana telah mengatasi masalah-masalah yang dinyatakan. Pada masa hadapan, saya berharap transformasi seperti ini akan dapat diteruskan bagi melancarkan urusan teras SPP. Sebagai contoh, SPP telah menerima banyak aduan mengenai portal JobsMalaysia sebagai platform permohonan jawatan yang diuruskan oleh SPP. Semoga kerjasama yang erat dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berhubung penggunaan sistem SPA8i dapat dilaksanakan dengan segera.

16. SPP diperuntukkan sebanyak **RM22,069,900.00** bagi Tahun 2020. Peruntukan ini perlu digunakan sebaiknya dalam melaksanakan Sasaran Kerja Tahunan yang telah ditetapkan. **Urusan temu duga**

dijangka akan bermula pada Mac 2020 bagi pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan lulusan universiti awam dan Anggota Kumpulan Pelaksana. Dalam usaha merealisasikan **program jangkauan SPP**, 2 program telah dirancang dalam waktu terdekat iaitu **Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan di Pulau Pinang** pada 30 Januari 2020 dan **Program Bersepadu SPP di Kota Kinabalu, Sabah**.

17. Seperti yang telah diwarwarkan sebelum ini, SPP akan berpindah ke bangunan baharu di Parcel F pada penghujung Februari 2020. Saya berharap perpindahan ini akan membawa semangat yang baharu kepada semua warga SPP di samping mengekalkan legasi dan kecemerlangan prestasi yang selama ini telah berjaya didukung sejak tahun 1974.

18. Sebelum saya akhiri perutusan ini, saya sekali lagi menyeru warga SPP untuk bersama-sama saya dalam menjayakan misi dan visi SPP agar penyampaian perkhidmatan kita memenuhi hasrat dan aspirasi negara.

Assalamualaikum WBT.